

Kekalkan nilai mulia: PM

BH 23 III 1993

TAPAH, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat pelbagai kaum di negara ini mengekalkan nilai-nilai mulia yang diamalkan oleh masyarakat kampung walaupun Malaysia akan muncul sebagai negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu Malaysia menjadi seperti negara Barat yang maju, tetapi mengalami kemusnahan institusi keluarga serta masyarakat seperti yang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah.

Katanya, walaupun masyarakat Malaysia yang

maju akan tinggal di dalam bandar, penilaian yang tinggi kepada semangat kejiwaan, konsep kekeluargaan serta pegangan kepada ajaran agama harus dikekalkan.

"Kita mahu budaya maju, tapi kita hendak kekalkan nilai-nilai yang menjadikan kita manusia yang berakal fikiran serta mempunyai nilai-nilai mulia yang bermaruah.

"Maju yang dimaksudkan ialah maju dari segi kebolehan, ilmu pengetahuan, keupayaan bersaing dan bertanding dalam apa juga bidang," katanya ketika berucap di majlis pelancaran Program Kam-

pungku peringkat negeri Perak di sini, hari ini.

Beribu-ribu penduduk, termasuk Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, serta pemimpin Barisan Nasional hadir.

Perdana Menteri menegaskan, negara maju yang ingin dicapai menerusi Wawasan 2020 bukan 100 peratus seperti negara Eropah, Amerika Syarikat atau Jepun.

"Negara maju yang dimaksudkan ialah negara kita boleh bersaing dengan sesiapa saja dalam apa juga bidang, tapi kita kekalkan dengan nilai-nilai

hidup yang mulia. Sebahagian nilai-nilai ini datangnya dari kampung," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh mencontohi Amerika dan Eropah yang rakatnya kehilangan pan&an, tidak tahu lagi maksud hidup selain keseronokan.

Menurutnya, masyarakat negara berkenaan bukan saja menghancurkan sistem kekeluargaan melalui amalan bersekedudukan secara bebas dan kemudiannya melepaskan tanggungjawab terhadap anak, tetapi juga tidak percayalagi kepada sebarang agama.

Perdana Menteri juga meminta rakyat mengikis sikap rendah diri kerana ia boleh menghalang mereka mencapai kemajuan.

"Soal warna kulit atau bangsa tidak timbul kerana kita sudah buktikan kita boleh berjaya dalam bidang elektronik sehingga Malaysia menjadi pengeluar barangan elektronik ketiga terbesar di dunia selepas Amerika dan Jepun.

"Walaupun kita hanya mempunyai 18 juta penduduk, kita boleh buat apa yang mereka boleh buat, kita boleh kalau kite yakin kepada diri sendiri," katanya.